



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
كالي ك - ١٣، ٢٠١٨

Sambutan
Hari Belia
Kebangsaan Kali Ke-13, 2018

بليا فمأچو بروني مأچو
Belia Pemacu Brunei Maju

Hari Rabu

19 Zulkaedah
10gos 1439
2018

Dewan Plenary,
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas



بلیا کیت ماس دقن کیت

Our Youth Our Future



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KALI KE-12

PADA HARI SELASA
8HB ZULKAEDAH 1438
1HB OGOS 2017

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subahanahu Wata'ala kerana dapat hadir dalam Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-12 ini.

Semua orang pandai dan mesra menyebut 'belia'. Zaman belia adalah zaman yang indah dan manis. Barang siapa yang sempat melalui zaman belia, maka orang itu adalah orang beruntung. Kerana pada tahap inilah individu mengalami pertumbuhan yang sangat menentukan.

Pertumbuhan itu di sini, ialah dari segi syakhsiah, kebolehan dan pengetahuan. Seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik. Ditambah lagi jika pengisiannya sempurna, dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Belia berkualiti, di samping diukur dari sudut pengisiannya, dan juga ditentukan oleh sikapnya. Belia yang bersikap suka memajukan diri, itulah tanda belia yang berbakat besar, yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif.

Bukankah semua ini merujuk kepada kualiti?

Belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif. Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah, belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebjajikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu sahaja.

Pengisian hari atau waktu ini mustahak diambil kira, kerana zaman kita sekarang adalah zaman yang terlalu banyak berseronok atau bersantai. Jika para belia, kita biarkan asyik memilih trend bersantai sahaja, maka risikonya sangatlah buruk untuk masa depan.

Di antara risiko yang dapat diramalkan ialah, negara mungkin saja akan terjebak memiliki sumber tenaga yang lemah atau ketandusan daya saing bagi menghadapi pelbagai cabaran.

Ke arah belia berkualiti, tidak syak lagi, adalah satu pelaburan. Ia memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia.

Dengan adanya kesedaran itu, akan menjadikan para belia lebih dewasa dan lebih patriotik.

Kesedaran yang dimaksudkan di sini, ialah kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Keempat-empat jenis kesedaran ini sangat mustahak untuk dimiliki oleh para belia kita, tanpa membezakan status dan peringkat mereka.

Inilah rukun kesempurnaan bagi belia.

Kita perlu risau, kalau-kalau para belia kita kosong dari memiliki ciri-ciri kesedaran tersebut. Kerana jika ini berlaku, impak buruk pasti menimpa masyarakat dan negara.

Dan kita lebih risau lagi dengan apa yang kita dengar dan baca, bahawa di tempat lain telah pun berlaku murid-murid sekolah atau pelajar membuli rakan mereka sampai mati, serta lain-lain lagi jenayah.

Ini, adalah betul-betul membimbangkan. Kita boleh bayangkan, jika murid atau pelajar sudah melakukan jenayah paling berat, betapa setelah mereka itu dewasa atau setelah jadi belia kelak?

Jadi ternyata, peristiwa seperti ini menambahkan lagi tanggungjawab para pemimpin, ibu bapa dan guru untuk memastikan, bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab kita bukanlah setakat membina bangunan atau membina negara. Tetapi, tanggungjawab paling mencabar ialah tanggungjawab membina insan.

Maka untuk itulah kita membangun sekolah, membangun institusi keluarga dan sekali gus memerlukan pemimpin prihatin dan kekuatan dakwah.

Di sinilah, semua pihak yang berkenaan sangat perlu untuk mengambil langkah-langkah bersepadu dalam membina bangsa, khasnya membina para remaja dan belia.

Apabila tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka barulah ada harapan untuk kita dapat melihat sebuah generasi masa depan yang menyerlah, Insya-Allah.

Sekian, Wabillahir Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KATA ALU-ALUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua Negara Brunei Darussalam dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan buat kali ke-13 pada 1 Ogos 2018.

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018 menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasannal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bercemar duli dan memeriahkan lagi acara kemuncak Hari Belia sebagai petanda keprihatinan tinggi dan pemedulian mendalam Baginda terhadap pembangunan belia.

Tema sambutan pada tahun ini "**Belia Pemacu Brunei Maju**" dipilih bertepatan dengan fokus pembangunan negara yang sedang giat ditumpukan ke arah mencapai Wawasan Brunei dengan sasaran "Brunei Maju" pada tahun 2035. Tema ini mengajak para belia bukan saja untuk meninjau dan seterusnya menyedari akan kepentingan mereka dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara maju, malahan peranan para belia adalah salah satu faktor kritikal yang akan menentukan kejayaan negara mencapai wawasan, khususnya dalam penglibatan aktif mereka dalam bidang keusahawanan.

Sambutan pada kali ini akan memfokuskan kepada dua elemen penting, iaitu **kepimpinan dan keusahawanan**. Corak sambutan akan mengetengahkan penglibatan belia dalam dua perkara ini dan hubungkaitnya ke arah perjalanan kita menuju "Brunei Maju". Negara mahukan belia yang mempunyai semangat patriotisme serta berpandangan yang luas dan jauh, berani dan berwawasan, kreatif dan inovatif serta mempunyai gagasan hidup ke arah mendukung hasrat kerajaan dan negara, dan sentiasa bersedia memberikan sumbangan yang positif dan berterusan.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada kali ini juga turut diserikan dengan penganjuran Perhimpunan Ramah Mesra Belia yang menampilkan 34 usahawan belia yang telah mencapai kejayaan dan mula bertapak dalam bidang keusahawanan. Selain itu, penganjuran Riadah Berbasikal Hari Belia Kebangsaan, Sukan Air Belia dan Program Bas Belia juga adalah untuk menambat perhatian belia, menggalakkan kecergasan fizikal dan mental mereka serta memberikan kesempatan kepada mereka untuk memupuk semangat kesatuan dalam menjalankan aktiviti riadah dan bersukan bersama-sama.

Sumbangan dan jasa bakti belia perlu diberikan penghargaan dan Alhamdulillah, Anugerah Hari Belia Kebangsaan merupakan wadah untuk mengiktiraf belia yang telah menyumbang kepada masyarakat dan negara secara signifikan. Diharapkan para penerima anugerah ini akan menjadi galakan kepada persatuan, kumpulan, pergerakan dan belia individu sebagai pembakar semangat untuk bekerja keras demi meraih yang terbaik bagi semua pihak secara konsisten. Pada tahun ini, Anugerah Hari Belia Kebangsaan merangkumi: Belia Cemerlang, Belia Berkhidmat, Pemimpin Muda Belia dan Projek Cemerlang Untuk Belia.

Akhir kata, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018 serta semua Ahli Jawatankuasa Kerja di atas segala usaha ke arah menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan, 2018. Semoga sambutan pada tahun ini akan menyuntik semangat dan menjadi inspirasi kepada generasi belia. Marilah kita segenap rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bergading bahu, memerah keringat dan bekerja keras ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatuallahii Wabarakatuh

**MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN
PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULO DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN**

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
Selaku

Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018

IKRAR BELIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Bersyukur
Ke Hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala
Kami Belia
Negara Brunei Darussalam
Berikrar
Taat Kepada Allah
Setia Kepada Raja
Cinta Kepada Negara
Mendukung Kepimpinan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Mempertahankan Kedaulatan
Negara Brunei Darussalam
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja
Mematuhi Perlembagaan Negara
Dan Undang-Undang,
Berakhlak Mulia Dan Terpuji

PEMBACA UTAMA IKRAR BELIA:

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin adalah Pengasas Bersama dan Penasihat Projek Bina Ukhwah. Beliau juga adalah seorang ahli aktif Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam selama 14 tahun, dan aktif mengendalikan serta menjadi fasilitator program-program kesukarelaan dan kepimpinan. Pada Jun 2018, beliau telah dianugerahkan Anugerah Pemimpin Muda Queen Elizabeth II. Pada masa ini, beliau bertugas di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sebagai Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.

PENGIRING PERTAMA:

Awang Muhammad Hanis bin Haji Osman berkelulusan B.A (Hons) in Technology Management, Universiti Teknologi Brunei. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif perusahaan Generasi Bekarih. Beliau juga merupakan pengerusi acara University Cup pada tahun 2015, dan pernah mewakili negara dalam beberapa program seperti ASEAN Youth Camp 2015, Jenesys 2.0: Economics 2016, dan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) yang ke-44.

PENGIRING KEDUA:

Dayang Rina Nurhafizah @ Rezza Binti Abdul Rani memegang jawatan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, dan sering membuat projek-projek kemasyarakatan bertemakan kesedaran awam mengenai pengurusan bencana khasnya kepada penuntut-penuntut, para belia dan penduduk kampung, mukim dan wanita. Beliau juga aktif dalam kegiatan kebelaian, kemasyarakatan dan kesukarelawan dengan memegang beberapa jawatan seperti Ketua Urus Setia bagi Kelab Komuniti Belia Tranformasi (KKBT) Pusat Belia, dan Setiausaha Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Tutong.

LIRIK LAGU TEMA

Lagu: Belia Pemacu Brunei Maju

Kamilah generasi harapan
Bergerak merealisasi wawasan
berani tampil ke hadapan
Negara Maju kita harapkan

Kami terokai bidang keusahawanan
bersama berkongsi pengalaman
berani memburu kejayaan
demi mencapai masa hadapan

Semangat yang penuh berani
Di segenap pelusuk hati
kami belia pemacu di sanubari
segala janji akan terbukti

Kami terus memacu usaha
berdedikasi dan berjaya
usahawan harapan negara
menjadi ikon inspirasi belia

Kami Belia
Negara
Usahawan yang berjaya
Berani
Menempuh cabaran

Kami Belia
Inspirasi
Generasi
Pemacu Negara

KOMPOSER

Pengiran Md Fauzie bin Pengiran Zainal Abidin

Pranidaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Awang Syikmah bin Haji Muamad

Pranidaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

LIRIK

Awang Mohamad Izwandy bin Haji Hamjah

Pemusik, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

ATUR CARA

- 8.00 pagi - Para Jemputan Hadir
- 8.30 pagi - Pembesar-Pembesar Negara Hadir
- 9.00 pagi - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni AL-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja
- Lagu Kebangsaan
 - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat
 - Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan
 - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni AL-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Ikrar Belia
 - Tayangan Video dan Persembahan Koir
 - Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2018
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni AL-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2018
 - Lagu Kebangsaan

ATUR CARA

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat-Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia di Dewan Persidangan Utama
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan Menerima Pesambah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi Majlis Santap
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung bagi sesi bergambar kenangan
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis
- Majlis Bersurai

HURAIAN TEMA


BELIA PEMACU BRUNEI MAJU

Tema Hari Belia 2018 ini memfokuskan kepada dua perkara penting yang mengarah kepada Wawasan Brunei 2035. Pertama ialah **Belia**. Kita sedia maklum bahawa belia merupakan aset penting negara kerana golongan inilah yang merupakan mekanisme atau jentera utama untuk menggerakkan dan seterusnya menentukan hala tuju sesebuah negara. Mereka inilah tempat kita menyandarkan harapan agar mereka ini fokus dengan wawasan negara dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang maju. "**Brunei Maju**" yang merupakan perkara kedua yang diangkat untuk memperlempang tema Hari Belia 2018 merupakan rentetan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Awal Tahun Baru Masehi 2018. Brunei Maju tidak hanya melihat daripada segi pembangunan fizikal dan perkembangan ekonomi semata-mata tetapi juga maju daripada segi cara berfikir dan mempunyai mentaliti kelas pertama yang dapat melihat jauh ke depan perjalanan bangsa dan negara, dan pada masa yang sama dapat menjaga peradaban dan spiritual yang bersandarkan kepada Konsep Melayu Islam Beraja.

Oleh yang demikian, "**Belia Pemacu Brunei Maju**" lebih dilihat sebagai sebuah amanah kepada golongan belia agar terus proaktif merancang, memperlempang diri, bukan saja dari segi ilmu tetapi juga dari segi kemahiran, mengembang personaliti tinggi, karisma, dan memiliki daya tahan yang jitu, untuk mengembangmajukan negara ini agar impian seorang raja untuk melihat belianya dan negaranya maju dapat direalisasikan.

Selain itu, belia juga hendaklah sentiasa siaga untuk mendepani pelbagai bentuk cabaran dan ragap menangkis segala halangan, tohmahan dan kritikan yang menghambat kemajuan dan pembangunan bangsa dan negara. Belia harus berani menanggung risiko demi mencapai kemajuan yang diharapkan. Berani menyanggah komitmen dan tanggungjawab. Berani menggalas aspirasi negara pada masa depan dan seterusnya berani untuk terus bangkit semula walaupun rebah di tengah jalan. Sebagai belia, pewaris negara, letakkanlah diri sendiri sebagai penggerak kepada kemajuan negara dan seterusnya sebagai pembina tamadun yang unggul, yang dihormati oleh masyarakat dunia.

TROFI ANUGERAH



PERLAMBAKAN TROFI


Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diguna pakai mulai tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini ialah bentuk bahtera belayar yang menggambarkan para belia yang menyedari peranan, dan tetap bersemangat menyahut seruan untuk membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Perlambangan lain reka bentuk trofi ini termasuk:




Belia adalah tunas bangsa, umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna, sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik, (warganegara yang mantap dan berjaya) manakala sebelah bawah benih akan berakar umbi dengan kekuatan (ketahanan identiti dan budaya bangsa).

Abjad 6 – 6 Bidang Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri, Pekerjaan dan Latihan, Kepimpinan, Daya Usaha, Persefahaman Antarabangsa dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan negara dengannya menjulang ketahanan dan keutuhan.



Layar Bahtera dan Kain Tenunan Brunei, lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.



Bahtera melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Bagi bahtera dapat belayar ke destinasi memerlukan kemudi dan pandu arah begitu halnya dengan belia memerlukan Polisi dan Hala Tuju bagi memastikan mereka akan menyambung/memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.



KATEGORI ANUGERAH

BELIA CEMERLANG diberikan kepada belia yang berjaya dalam bidang masing-masing yang pada utamanya mengharumkan nama negara

BELIA BERKHIDMAT diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara atau orang lain

PEMIMPIN MUDA BELIA diberikan kepada pemimpin muda belia yang cemerlang menggembleng orang-orang bawahan kepada kebaikan

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA diberikan kepada projek yang banyak memanfaatkan belia

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

BELIA CEMERLANG

BIL	NAMA
1	Awangku Muhammad Hazim bin Pengiran Haji Mumin
2	Dayang Siti Mariam binti Ismail
3	Dayang Basma Lachkar
4	Awang Majdurano Joel bin Majallah Sain
5	Awang Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid bin Haji Mohammad Idris
6	Awang Mohammad Fakhri bin Ismail
7	Awangku Kamal Ghadafi bin Pengiran Haji Suhaimi
8	Awang Mohamad Anwar bin Awg Haji Mohammad
9	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid
10	Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof
11	Dayang Hanis Hasmine binti Haji Zaini
12	Dayang Sabrina binti Haji Mahmud
13	Dayang Hajah Karmila binti Haji Safar
14	Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah
15	Awang Ong Chee Leong
16	Awang Kurmin @ Ridhwan bin Awang Haji Bini
17	Awang Muhammad Azhar bin Haji Abdul Aziz
18	Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
19	Pengiran Khamarul Zaman bin Pengiran Haji Tajuddin
20	Awang Mohammad Rezuan bin Haji Jamaeh
21	Awang Irwan bin Nordin@Rino

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

BELIA BERKHIDMAT

BIL	NAMA
1	Awang Muhammad Nuriskandar bin Mohd Hasnan
2	Awangku Muhammad Hazim bin Pengiran Haji Mumin
3	Awang Muhammad Amirul Syazmie bin Ibrahim
4	Dayangku Siti Halizza binti Pengiran Salahuddin
5	Dayang Nurul Hadina binti Haji Alias
6	Awang Khairuldin bin Morshidi
7	Dayang Nur Nazurah binti Abu Hanifah
8	Awang Muhammad Najib Min Fadhlillah bin Haji Abd Majid
9	Dayang Siti Nurulyaziidah binti Haji Abdul Aziz
10	Awang Muhammad Haziq Hisyam bin Mohd Zaki
11	Awng Mohd Shahrizal @Sharil bin Momin
12	Awang Wadi bin Sahrn
13	Dayang Siti Najihah Kamilah binti Latif
14	Awang Mohd Khairul Azmi bin Haji Mohd Salleh
15	Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
16	Awang Muhammad Firdaus bin Haji Ismail
17	Awangku Md Al-Muttaqibillah bin Pengiran Haji Hasan
18	Awang Irwan bin Nordin@Rino

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

PEMIMPIN MUDA BELIA

BIL	NAMA	PERSATUAN / ORGANISASI
1	Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof	KKBT Biro Pendidikan Pusat Belia BSB (Teachmeguru)
2	Awangku Kamal Ghadafi bin Pengiran Hj Suhaimi	Brunei Japan Friendship Association (BJFA) & Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM)
3	Dayang Noorhafizah binti Haji Rashid	Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT)
4	Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin	Projek Bina Ukhwah
5	Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar	Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT)
6	Awang Muhammad Dzakwan bin Ibrahim	Persatuan Belia Belait (PEMBELA)
7	Dayang Atiqah Ruzaimah binti Dr Haji Harun	Persatuan Belia Belait (PEMBELA)
8	Dayang Fung Sien Mun	Kurt Hurding
9	Awang Mohd Khairul Azmi bin Haji Mohd Salleh	Society for Community Outreach & Training (SCOT)
10	Dayang Siti Kailene binti Mohd Jazlan Kashfi	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
11	Awang Mohamad Hazrin bin Daud	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
12	Dayang Noor Amal Azirah binti Haji Azlan	Society for Community Outreach & Training (SCOT)

CALON-CALON PENERIMA ANUGERAH

PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

BIL	NAMA	PERSATUAN / ORGANISASI
1	Bengkel Journalism (Journalism Workshop)	Persatuan Belia Belait (PEMBELA)
2	SCOT Education Brunei-Cambodia	Society for Community Outreach & Training (SCOT)
3	Leaders Foundation Camp (LFC)	Generasi Berkariah
4	Program Belia Sayang	Teachmeguru/Kelab Komuniti Belia Transformasi
5	Portfolio Showcase-Kursus Autocad PPB (Program Komuniti Berkemahiran Autocad Kuala Belait)	Pusat Pembangunan Belia
6	Al-Huffaz Leaders	Al-Huffaz Management
7	Anti-Pemerdagangan Manusia, Dialog & Pameran	Youth Against Slavery Brunei (YAS BRUNEI)
8	Belia Brunei Berbakti (3B)	Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)
9	HIV/AIDS Program For Peers And Youth (H.A.P.P.Y)	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
10	Majlis Forum "Cinta Tanpa Sempadan" Sempena Memperingati Hari AIDS Sedunia 2017	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
11	Life Skills Training Yang Ke-18 (Lestari)	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
12	Kelab Penyinar	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
13	"Re-Educate, Empower & Destigmatise" (R.E.D) Project, Project Red-Mendidik, Memperkasa & Menghapuskan	Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam
14	Program Strayholders	Strayholders (Di bawah Program Eksekutif Muda Kohot Ke-2)
15	Projek Kisah Kasih	Kisah Kasih (Di Bawah Program Eksekutif Muda Kohot Ke-2)
16	Charaton (Charity Marathon)	Dinamika (Di Bawah Program Eksekutif Muda Kohot Ke-2)

TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN

Untuk ingatan yang berterusan dan sebagai panduan kepada belia dalam membuat tindakan-tindakan pada masa yang akan datang berdasarkan tema-tema berkenaan bagi memperlengkap diri sebagai belia yang boleh disandarkan harapan menggalas peranan membangun negara.

TAHUN	TARIKH SAMBUTAN	TEMA
2010	21 Syaaban 1431 / 2 Ogos 2010 [Isnin]	Keusahawanan Pemangkin Belia Berdikari
2011	27 Syawal 1432 / 26 September 2011 [Isnin]	Belia Berkreatif dan Berinovasi
2012	20 Zulkaedah 1433 / 6 Oktober 2012 [Sabtu]	Belia Syumul Harapan Negara
2013	16 Muharram 1435 / 20 November 2013 [Rabu]	Belia Menuju Wawasan
2014	8 Zulkaedah 1435 / 3 September 2014 [Rabu]	Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21
2015	17 Zulkaedah 1436 / 1 September 2015 [Selasa]	Belia Berwawasan Menjana Ekonomi
2016	03 Safar 1438 / 3 November 2016 [Khamis]	Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi
2017	8 Zulkaedah 1438/ 1 Ogos 2017 [Selasa]	Belia Berdaya Usaha dan Berinovasi Menjayakan Wawasan Negara

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan diusulkan bermula pada sambutan tahun 2010

**IMBASAN
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-12, 2017**



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mengurniakan Titah**







Bacaan Ikrar Belia diketuai oleh Yang Mutia Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki,
Naib Johan Musabaqah Tilawah AL-Qur'an Peringkat Antarabangsa 2016 dan 2017

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2017



Yang Mulia Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin
Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Belia Cemerlang



Yang Mulia Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit
Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Belia Berkhidmat

PENGURNIAAN ANUGERAH HARI BELIA KEBANGSAAN 2017



Yang Mulia Awang Mohammad Aidil Firdaus bin Awang Haji Jukin dari Persatuan Kemajuan Insan (KESAN)
Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Pemimpin Muda Belia



www.alhuffaz.com (Platform Pembelajaran Al-Quran)
Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan: Projek Cemelang Untuk Belia

PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA



PERHIMPUNAN RAMAH MESRA BELIA





Pesambah berbentuk ikan sumpit-sumpit yang diinspirasi dari pada Legenda Awang Semaun. Pesambah diperbuat daripada besi yang melambangkan kekentalan semangat dan kecekalan jiwa para belia yang bersedia mencapai Wawasan Brunei 2035. Reka bentuk disediakan oleh Wan Nur Zahidah binti Metussin




Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanat Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja bersama
Penerima-penerima Anugerah Belia Kebangsaan 2017

**AKSI BELIA DALAM
BIDANG KEPIMPINAN DAN KEUSAHAWANAN**

KEPIMPINAN




KEPIMPINAN



KEUSAHAWANAN



KEUSAHAWANAN



**JAWATANKUASA
SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN
KALI KE-13, 2018**

AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI



JAWATANKUASA TERTINGGI

PENGERUSI

Yang Berhormat
Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan
bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan

TIMBALAN PENGERUSI

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw
Timbalan Menteri Tenaga dan Perindustrian
Kementerian Tenaga dan Perindustrian

SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dato Seri Setia Haji Abd Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dr. Haji Azman bin Ahmad
Pemangku Setiausaha Tetap
Kementerian Pendidikan

TIMBALAN SETIAUSAHA

Yang Mulia
Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PENOLONG SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia
Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd Daud
Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



JAWATANKUASA TERTINGGI

AHLI-AHLI

Yang Berhormat
Dayang Hafimi binti Abdul Haadi
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Berhormat
Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Berhormat
Awang Iswandy bin Ahmad
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia
Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim
Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Kamaludin bin Haji Bungsu
Setiausaha Tetap
Kementerian Tenaga dan Perindustrian

Yang Mulia
Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia
Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan
Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail
Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia
Awang Abdul Aziz bin Abdullah
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dayang Hajah Norharniah binti Haji Jumat
Pemangku Timbalan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan



JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu
Pengarah Radio Televisyen Brunei
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah Penerangan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamad
Pemangku Pengarah Percetakan Kerajaan
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Mohd Sharifuddin bin Haji Mohd Salleh
Pemangku Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah
Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Awang Mohamed Jais bin Abd Rahman
Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum
Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri
Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
SNR/SUPT Haji Chipli bin Haji Mohammad
Timbalan Pengarah Gerakan
Pasukan Polis Diraja Brunei
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Razali bin Haji Badar
Pegawai Protokol
Jabatan Adat Istiadat Negara
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

JAWATANKUASA TERTINGGI

Yang Mulia
Kol. [B] Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail
Pengarah Program Khidmat Bakti Negara
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid
Pemangku Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdul Hamid
Pemangku Pengarah Perkhidmatan Sosial
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir
Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Hanafi bin Haji Salleh
Timbalan Pengarah Pusat Sejarah
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Mohamed Jefri bin Haji A.Sabli
Pemangku Pengarah Muzium-Muzium
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid
Yang Di-Pertua Majlis Belia Brunei

Yang Mulia
Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia
Dato Paduka Haji Mohd Yusof
Yang Di-Pertua Majlis Wanita Brunei Darussalam

KETUA URUS SETIA

Yang Mulia
Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed
Pemangku Pengarah Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



AHLI JAWATANKUASA KERJA



UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018

sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan

dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja dan semua pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, orang perseorangan, swasta, serta orang ramai yang telah turut sama dalam memberikan kerjasama dan sumbangan dalam menjayakan

Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13, 2018



بليا كيت ماس دڤن كيت
Our Youth Our Future

TIM KREATIF

Tulisan jawi oleh Awang Muhammad Asyraf bin Haji Ramli
Dayang Siti Nuruljannah binti Adanan

Awang Muhammad Nuriskandar bin Mohd Hasnan

Awang Haji Syed Mohd Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah (Battle Pro MMS)

Awang Haji Syed Mohd Yunos bin Haji Syed Anayatullah Shah

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin (Projek Bina Ukhwah)

Awang Haji Mohd Sabri bin Haji Suhaili

Awang Muhammad Hadri bin Haji Zulhimli (KESAN)

Biz Brunei